

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(9)

Tarikh : 2 Oktober 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Sabah

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Taman-Taman Sabah

Pengarah Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar Sabah

Pegawai-Pegawai Daerah

Penolong Pegawai Daerah Kecil

Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 17/1997**

**PENGIKLANAN TENDER TEMPATAN DALAM
SURATKHABAR UTAMA BAHASA MELAYU**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan pemerhatian pejabat ini, didapati kebanyakan jabatan/agensi tidak mengiklankan tawaran tender dalam suratkhbar utama Bahasa Melayu. Sehubungan dengan ini, sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan arahan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 1995 Tatacara Penyediaan, Penilaian dan Penerimaan Tender yang memperuntukkan bahawa pengiklanan Tender Tempatan hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu (1) suratkhbar utama Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak Y..Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengiklankan semua pelawaan tender tempatan dalam satu (1) suratkhbar utama Bahasa Melayu disamping mengiklankan pelawaan tender dalam suratkhbar tempatan yang lain.

Sokongan dan kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah

T.T

(DATUK DR.ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.